



**JABATAN HAL EHWAL KESATUAN SEKERJA MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YBHG. DATO' AMIR BIN OMAR
SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN GERAN PEMBANGUNAN
KESATUAN SEKERJA (GPKS) 2022 ZON SARAWAK**

**23 MEI 2022 (ISNIN)
BORNEO CONVENTION CENTRE, KUCHING
SARAWAK**

**-----SALUTATION AKHIR AKAN DIKEMUKAKAN OLEH
PENGANJUR -----**

1. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Illahi kerana kita dapat berhimpun dalam **Majlis Penyampaian Geran Pembangunan Kesatuan Sekerja (GPKS) 2022 Zon Sarawak** pada hari ini.
2. Memandangkan kita masih berada di dalam bulan Syawal, di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua hadirin sekalian. Selamat menyambut Hari Gawai yang bakal diraikan tidak lama lagi.
3. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS) Sarawak kerana berjaya menganjurkan program pada hari ini. Saya percaya melalui program ini, wakil-wakil kesatuan sekerja dapat saling bertukar pandangan dalam usaha memantapkan urus tadbir kesatuan sekerja selaras dengan Akta-akta yang berkuatkuasa.

Hadirin yang dihormati sekalian,

INISIATIF KERAJAAN MALAYSIA BERKAITAN ISU PERBURUHAN

4. Dalam dua tiga tahun kebelakangan ini, Negara kita selalu dikaitkan dengan isu buruh paksa yang memberi kesan kepada eksport produk Negara kita ke negara-negara luar terutama sekali Amerika Syarikat dan Eropah. Biasanya melibatkan industri perladangan dan pembuatan.
5. Justeru itu, hujung tahun lepas, Kerajaan telah melancarkan Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Buruh Paksa (NAPFL) 2021-2025 sebagai komitmen Kerajaan dalam pendekatan berorientasikan tindakan untuk menangani dan seterusnya membasmi buruh paksa di negara ini. NAPFL menggariskan tindakan yang akan dilaksanakan oleh Negara dalam tempoh lima (5) tahun akan datang yang terdiri daripada empat (4) matlamat strategik, yang dibuat selaras dengan Pelan Tindakan Kebangsaan Anti Pemerdagangan Orang 2021-2025 (NAPTIP 3.0).
6. Pada bulan Mac 2022 yang lalu, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Sumber Manusia telah mendeposit ratifikasi protokol Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) berhubung

buruh paksa, Protokol 29. Ratifikasi Protokol 29 ini adalah sebagai salah satu langkah dan usaha kerajaan dalam menangani isu buruh paksa di negara kita selain menunjukkan komitmen kerajaan di peringkat antarabangsa.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi,

7. Apabila kita berbicara tentang isu hak-hak pekerja Malaysia, Kerajaan telah dan akan sentiasa membuat pindaan ke atas akta-akta perburuhan.
8. Sebagaimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, Parlimen Malaysia baru sahaja meluluskan pindaan kepada Akta Kerja 1955 (Akta 265) pada 30 Mac 2022. Walaupun Akta Kerja 1955 ini tidak terpakai bagi Sarawak, tetapi ia akan memberi kesan kepada Ordinan Buruh Sarawak yang masih di dalam proses pindaan.
9. Dengan pindaan Akta Kerja 1955 yang terbaru ini, ia akan memberi perlindungan dan faedah yang lebih baik kepada golongan pekerja di Malaysia.
10. Begitu juga dengan pelaksanaan Gaji Minimum RM1,500 yang telah mula berkuatkuasa pada 1 Mei 2022 yang lepas. Sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Kerajaan, Perintah Gaji Minimum 2022 ini telah diwartakan pada 27 April 2022

oleh Pejabat Peguam Negara (AGC). Dengan pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2022 ini, ia akan memberi faedah kepada berjuta warga pekerja di Negara ini.

11. Bukankah semua inisiatif Kerajaan ini bermula daripada tuntutan dan permintaan yang diperjuangkan oleh Kesatuan Sekerja. Jadi di kesempatan ini, saya menyeru agar semua Kesatuan Sekerja perlu terus berusaha untuk memperjuangkan hak-hak dan perlindungan yang lebih baik bagi golongan pekerja.
12. Saya juga menyeru agar semua kesatuan sekerja memainkan peranan mereka sebagai mata dan telinga kepada Kerajaan dalam melaporkan sekiranya terdapat perlakuan buruh paksa atau perlanggaran undang-undang. Jangan tunggu pihak ketiga samada NGOs, CSOs atau *Human Right Watch* yang mengambil peranan kesatuan sekerja dalam menjuarai isu-isu pekerja.

GERAN PEMBANGUNAN KESATUAN SEKERJA (GPKS)

13. Kerajaan sentiasa mengiktiraf dan menghargai jasa serta sumbangan kesatuan sekerja yang bertindak sebagai barisan hadapan (*front liners*) warga pekerja yang bersama-sama membantu kerajaan dalam memastikan keharmonian

dan kesejahteraan perhubungan perusahaan di Malaysia sentiasa terpelihara.

14. Kerajaan juga mengiktiraf kesatuan sekerja di Malaysia sebagai rakan sosial kepada kerajaan dalam memastikan kebijakan serta hak-hak pekerja terpelihara dan dilindungi.
15. Sebagaimana kita sedia maklum, kesan pandemik COVID-19 telah mengubah norma dunia pekerjaan pada masa kini, begitu juga cabaran yang perlu dihadapi oleh kesatuan sekerja dalam potensi mereka untuk mengatur, menyusun dan memberi perkhidmatan kepada golongan pekerja.
16. Justeru itu, pada tahun ini, Kerajaan telah menambah peruntukan di bawah **Geran Pembangunan Kesatuan Sekerja (GPKS)** ini kepada **2.6 juta Ringgit** dengan harapan ianya dapat membantu lebih banyak kesatuan-kesatuan sekerja untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kesatuan dengan lebih baik.
17. Saya difahamkan, Geran Pembangunan Kesatuan Sekerja (GPKS) ini disediakan bagi membantu Kesatuan Sekerja untuk mengadakan Mesyuarat Agung Pertama, menganjurkan Latihan Pendidikan, Pembangunan Laman Web, Pembangunan Modul E-Learning berbentuk video

simulasi, menjalankan kajian Pergerakan Kesatuan Sekerja di Malaysia dan penganjuran Hari Kesatuan Sekerja.

18. Adalah diharapkan dengan adanya bantuan kerajaan dalam bentuk geran ini akan dapat menggalakkan perkembangan pendidikan dan pembelajaran secara berterusan khususnya bagi meningkatkan kemahiran berkesatuan di kalangan pemimpin dan anggota kesatuan sekerja ke arah mewujudkan pergerakan kesatuan sekerja yang teguh dan matang di Malaysia.
19. Saya difahamkan juga sejumlah **315** permohonan telah diluluskan di seluruh Malaysia bagi kesatuan mengadakan pelbagai aktiviti sepetimana yang telah diluluskan. Dari jumlah ini, sejumlah **18 permohonan telah diluluskan bagi kesatuan-kesatuan sekerja di negeri Sarawak dengan nilai RM192,400.00.**
20. Tahniah saya ucapkan kepada kesatuan sekerja yang berjaya dalam permohonan mereka.

PENUTUP

21. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan sukacitanya saya merasmikan **MAJLIS PENYAMPAIAN GERAN PEMBANGUNAN KESATUAN SEKERJA (GPKS) 2022 bagi ZON SARAWAK.**

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.